

22 MAY 2002

KAPAL-MISC/I

KAPAL TANGKI KELAS PUTERI SATU DIKENDALIKAN SEPENUHNYA OLEH RAKYAT MALAYSIA

Oleh: Siti Hawa Othman

NAGASAKI, 22 Mei (Bernama) -- Puteri Intan Satu, yang dinamakan secara rasmi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini, hari ini, akan menjadi kapal tangki pertama dari Kelas Puteri Satu yang akan dikendalikan sepenuhnya oleh rakyat Malaysia.

Rakyat Malaysia ini telah dilatih di bawah program latihan kadet yang dijalankan oleh Malaysia International Shipping Corporation Bhd (MISC).

Dalam ucapannya pada upacara menamakan kapal itu, Pengerusi MISC, Tan Sri Mohd Hassan Marican, berkata bahawa dalam tahun 1994 Petronas telah menetapkan sasaran untuk memastikan kapal tangki Gas Asli Cecair (LNG) pertama dianggotai dan dikendalikan sepenuhnya oleh rakyat Malaysia menjelang tahun 2002.

MISC adalah anak syarikat Petronas dan Hassan adalah juga presiden dan ketua pegawai eksekutif perbadanan minyak nasional itu.

Hassan berkata `Hull No. 2165' (nombor kapal) adalah yang pertama di antara enam buah kapal tangki LNG baru yang ditempah oleh MISC.

Keenam-enam kapal tangki tersebut akan diserahkan secara berperingkat-peringkat mulai bulan September 2002 hingga bulan Mac 2005.

Tiga daripada kapal-kapal ini sedang dibina oleh Mitsubishi Heavy Industries Ltd di Koyagi Works di Nagasaki manakala tiga lagi dibina oleh Mitsui Engineering dan Shipbuilding di Chiba.

Hassan berkata, ini adalah kali pertama MISC memberikan kontrak untuk membina kapal tangki LNG kelas ini kepada limbungan kapal Jepun.

Kapal tangki itu telah direka bentuk dengan keupayaan bagi perdagangan di seluruh dunia agar boleh singgah di semua terminal utama LNG di seluruh dunia.

Dengan bermulanya perkhidmatan kapal tangki ke-14 dan terbaru ini dalam kumpulan kapal tangki LNG MISC ini, kemampuan syarikat itu untuk bergerak ke arah mencapai wawasannya untuk menjadi penyedia perkhidmatan logistik dan pengangkutan maritim bertaraf dunia yang diutamakan akan meningkat, tegas Hassan.

Sehingga akhir April tahun ini, MISC telah selamat menghantar 2,892 kargo berjumlah kira-kira 153 juta tonne LNG tepat pada masanya kepada pelanggan-pelanggannya, kata beliau. -- BERNAMA

SHO MR SHY KY OS